

18/06/2003

Ku Li tidak cadang rebut jawatan tertinggi

KUALA LUMPUR: Bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah tidak bercadang merebut jawatan tertinggi Umno, sebaliknya beliau menerima Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Umno Bahagian Gua Musang yang pernah menentang Dr Mahathir bagi jawatan Presiden Umno pada 1997 itu, terkejut apabila namanya dikaitkan dengan soal pertandingan merebut jawatan tertinggi parti.

"Lebih-lebih lagi saya bukanlah orang yang berkedudukan. Dengan ikhlas saya nyatakan, saya tidak ada cadangan dan rancangan ke arah itu," katanya, yang lebih dikenali sebagai Ku Li, dalam kenyataan di sini, semalam.

Kenyataan itu dikeluarkannya dua hari selepas satu wawancara yang disiarkan Ahad lalu memetik Dr Mahathir berkata, sesiapa yang mencabar kedudukan Abdullah sebagai Presiden Umno, akan kalah.

Perdana Menteri yang dijadualkan bersara daripada semua jawatan Oktober ini berkata demikian ketika ditanya apakah beliau menjangka orang seperti Razaleigh atau bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam akan muncul semula dan bersaing jawatan presiden.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak fikir ia akan berlaku dan jika ia terjadi, mereka akan kalah.

Musa, ketika mengulas perkara itu Ahad lalu berkata, beliau tidak berhasrat merebut jawatan presiden.

Razaleigh berkata, umum mengetahui bahawa Dr Mahathir telah memilih Abdullah sebagai penggantinya dan ia adalah wajar kerana Abdullah ialah Timbalan Perdana Menteri.

"Saya menerima dan menyokong pilihan itu," katanya sambil menambah, beliau selama ini tidak ke mana-mana selain Gua Musang dan tempat yang diarahkan oleh Majlis Tertinggi.

"Bagi saya apa yang lebih penting ialah terus memberi sumbangan ke arah mengukuhkan perpaduan dalam parti dengan membabitkan semua pihak serta membantu mencari kebaikan untuk orang Melayu.

"Ini perlu dilakukan khususnya untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang atau cabaran lain terhadap parti," katanya.

(END)